

CNS9065

R GB 23-07 00167 BB917

bah

Mahathir - Badan

BADAN KHAS ATASI MASALAH BEKALAN ELEKTRIK DAN AIR DI SABAH

KOTA KINABALU, 23 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed berkata sebuah badan bertindak akan ditubuhkan bagi mengatasi masalah bekalan elektrik dan air di Sabah.

Katanya, sekalipun masalah bekalan kedua-dua kemudahan itu ke Sabah sudah beransur pulih sejak Barisan Nasional (BN) memerintah negeri ini kira-kira empat bulan lalu, tetapi ia masih belum memuaskan.

"Di beberapa buah tempat bekalan air dan elektrik tidak mencukupi," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan para pemimpin BN Sabah di sini, malam ini.

Menurutnya, pertemuan itu diadakan kerana sejak kemasukan dua parti baru

-- Parti Demokratik Sabah (PDS) dan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRBS) - ke dalam BN baru-baru ini, beliau belum berkesempatan mengadakan pertemuan dengan para pemimpin BN di negeri ini.

Dalam pertemuan itu, katanya, beliau menjelaskan sekali lagi secara mendalam tentang konsep BN dan betapa pentingnya semangat tolong-menolong dalam BN. -- Lagi

▼23/07/23-39MST

CNS9067

R GB 23-07 00194 BB918

bah

Mahathir - Badan 2 (AKhir) Kota Kinabalu

Dr Mahathir berkata beliau juga membincangkan tentang bahan-bahan yang terdapat di Sabah yang boleh menjadi industri yang baru sebagai sumber pendapatan negeri ini.

Beliau berpuas hati dengan tahap pembangunan yang dicapai oleh BN Sabah setakat ini dan menambah bahawa suasana pembangunan di negeri ini jelas berubah.

"Para pelabur berasa lebih yakin untuk datang ke Sabah dan mereka berusaha untuk membangunkan negeri ini terutama dalam bidang pelancongan," tambahnya.

Mengenai perlintakan Presiden PDS, Datuk Bernard Dompok sebagai menteri Pusat dan Dr Jeffrey Kitingan, sebagai timbalan menteri baru-baru ini, Dr Mahathir berkata portfolio mereka masih belum ditentukan lagi.

Katanya, beliau memerlukan sedikit waktu lagi untuk menentukan portfolio dan jabatan-jabatan yang akan ditempatkan di bawah kementerian mereka.

Presiden PBRBS, Datuk Joseph Kurup pula dilantik sebagai Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Pembangunan Perindustrian Sabah dalam susunan baru kerajaan BN Sabah baru-baru ini.

Yang turut hadir dalam pertemuan itu ialah Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Sakaran Dandai, yang juga Ketua BN Sabah, dan Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat, yang juga Setiausaha Agung BN. -- Bernama.

OPP OBA

▼23/07/23-43MST